

**MOTIF PENGLIBATAN, ORIENTASI MATLAMAT DAN GAYA
KEPIMPINAN JURULATIH DARI PERSPEKTIF ATLET
SEKOLAH SUKAN MALAYSIA**

NELFIANTY BTE MOHD RASYID

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH Ph.D (PENDIDIKAN SAINS SUKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tanda tangan

21.05.2009

NELFIANTY BTE MOHD RASYID
P20051000013

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya mengizinkan saya menyempurnakan penulisan penyelidikan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Shaharudin Abdul Aziz selaku penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar yang amat berharga kepada saya dalam menyiapkan disertasi ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujuhan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi peluang untuk saya meneruskan pengajian peringkat doktor falsafah serta membiayai pengajian saya. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah serta staf di Fakulti Sains Sukan yang sentiasa memberi bantuan dan sokongan moral sepanjang proses pengajian saya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak KPM khasnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, pengetua Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar yang telah memberi kebenaran dan kerjasama dalam penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada guru-guru, jurulatih dan atlet Sekolah Sukan Malaysia yang telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam proses pengumpulan data. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru dan pelajar sekolah projek sukan negeri Perak dan Sabah yang telah menjadi subjek bagi kajian rintis.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua individu yang telah menyumbang idea dan membantu saya sepanjang proses penulisan disertasi ini. Antaranya En. Jeffrey dan Cik Kamariah yang telah membaca dan memberi idea dari awal hingga akhir proses penyelidikan. PM. Dr. Bhasah dan Dr. Manohar yang telah membantu dalam proses menganalisis data. Prof. Dr. Othman, PM. Dr. Omar, Dr. Balbir dan Pn. Zaiton yang telah menyumbang idea dan membantu dalam proses membina soal selidik. Pn. Norshilawati dan Pn. Suzieyana yang telah membaca keseluruhan disertasi dan memberi komen yang membina. Para pustakawan dari UPSI, UPM, UKM, UM dan EPRD yang sering membantu dalam proses pencarian bahan rujukan. Cik Ruaibah, En. Norasrudin, Pn. Tini, En. Rahim, En. Rushdan, Pn. Aiwa, Pn. Rozita, Pn. Seyamala, Cik Siti, Cik Jaja, Cik Daring, Cik Nik, Cik Seri, Cik Dolly, Datin Muna, Cik Pek Aun, Pn. Nancy, Dr. Azlin dan ramai lagi rakan-rakan yang sentiasa membantu dan memberi sokongan moral disaat-saat kebuntuan dalam menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya ramai lagi individu yang tidak dapat saya catatkan di sini telah terlibat secara lansung atau tidak lansung dalam proses penyelidikan ini. Oleh itu hanya ucapan jutaan terima kasih atas sumbangan anda semua.

Kejayaan ini ditujukan khas buat Papa, Mama, Kak Ely, Vani, Achika, Raj, abang-abangku, adik-adikku, anak-anak saudaraku dan makcik serta pakcikku. Terima kasih atas doa, pengorbanan dan pengertian sehingga tercapainya impianku ini. Kalianlah sumber motivasiku. Tanpa sokongan, pengorbanan dan kasih sayang kalian tidak mungkin disertasi ini dapat disiapkan. Hanya Allah yang dapat membala jasa dan sumbangan kalian.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti motif penglibatan dalam sukan, orientasi matlamat, gaya kepimpinan jurulatih yang digemari atlet serta gaya kepimpinan sebenar yang diamalkan oleh jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti perkaitan antara setiap pemboleh ubah dan pengaruhnya terhadap pencapaian prestasi. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik Motif Penglibatan Sukan (MPS), *Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire* (TEOSQ), *Leadership Scale for Sport* (LSS) versi kegemaran dan persepsi atlet. Subjek kajian adalah populasi atlet di kedua-dua buah Sekolah Sukan Malaysia pada tahun 2007 ($N = 854$; SSBJ = 409, SSBP = 445). Dapatkan kajian menunjukkan motif penglibatan atlet mengikut urutan kepentingan ialah Kebanggaan Keluarga, Peningkatan Kemahiran, Kesihatan dan Kecergasan, Menaikkan Nama Negara, Inginkan Cabaran, Jaminan Masa Depan, Inginkan Kejayaan, Kestabilan Emosi dan Kebanggaan Diri. Atlet Sekolah Sukan Malaysia didapati lebih berorientasikan Tugasan berbanding Ego. Atlet Sekolah Sukan Malaysia menggemari gaya kepimpinan Latihan dan Arahan, Demokratik, Sokongan Sosial dan Maklum Balas Positif. Jurulatih juga didapati mengamalkan gaya kepimpinan sedemikian. Gaya kepimpinan jurulatih yang kurang digemari dan kurang diamalkan ialah Autokratik. Analisis ujian-t dan ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi motif penglibatan, orientasi matlamat, gaya kepimpinan yang digemari dan diamalkan berdasarkan jantina, umur dan jenis sukan yang diceburi. Hasil *canonical correlation* menunjukkan terdapat perkaitan antara motif penglibatan, gaya kepimpinan yang digemari dan gaya kepimpinan yang diamalkan. Analisis regresi pelbagai menunjukkan atlet yang bermotifkan Peningkatan Kemahiran dan menggemari gaya kepimpinan Maklum Balas Positif berpotensi menjadi atlet yang berjaya dalam sukan. Sebaliknya, atlet yang mengutamakan motif ekstrinsik seperti Meningkatkan Nama Negara dan Jaminan Masa Depan memberi kesan yang negatif kepada prestasi pencapaian. Kesimpulannya, bagi meningkatkan penglibatan dan pencapaian atlet remaja dalam sukan, pihak yang terbabit dengan perancangan dan pelaksanaan program latihan perlu mengetahui perkara yang mempengaruhi motivasi atlet dan menyediakan persekitaran latihan yang dapat memupuk motivasi intrinsik dalam diri atlet. Berdasarkan dapatkan kajian, beberapa implikasi dan cadangan kajian lanjutan dikemukakan untuk menambah pengetahuan kepada pentadbir sukan remaja.

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the participation motives, goal orientation, preferred coaching styles of the Malaysian Sports Schools' athletes and their respective coaches' coaching styles. This study also examined the relationship between all the variables and their influence on the athletes' performance. Instruments used in this study were Motives for Sports Participation (MPS), Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ), athlete's preferred and perceived version of the Leadership Scale for Sport (LSS). The whole population of the two Malaysian Sports Schools for the year 2007 ($N = 854$; SSBJ = 409, SSBP = 445) were recruited for this study. Results of the study showed the motives for participation ranked accordingly, were Pride for the Family, Improving Skill, Health and Physical Fitness, Doing the Country Proud, Yearn for Challenges, Better Future, Eager to Succeed, Emotional Stability and Self Pride. The findings also revealed that the athletes were more inclined toward Task orientation rather than Ego. Coaching styles preferred by the athletes were Training and Instruction, Democratic, Social Support and Positive Feedback. The present coaching styles practiced by the coaches were similar to the styles preferred by the athletes. Autocratic behaviour was the least preferred coaching style and seldom practiced by the coaches themselves. T-test and ANOVA analyses revealed significant differences for participation motives, goal orientation, preferred and present coaching styles based on gender, age and types of sports. Canonical correlation showed relationships existed between participation motives, preferred and present coaching styles. Multiple regression analysis showed that athletes who chose participation motives for Skill Improvement and preferred Positive Feedback coaching style are more likely to become successful athletes. However athletes who chose extrinsic motives such as Doing the Country Proud and Better Future as their main motives will negatively affect their achievements. In conclusion, to improve the commitment and achievement of the young athletes in sports the authorities involved in the development and planning of the sport programme should know in depth on what motivates the athletes and provide training climate that can cultivate the intrinsic motivation within them. Several implications and suggestions were highlighted for future research.

KANDUNGAN**Muka surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kerangka konsep	6
1.3	Pernyataan masalah	13
1.4	Kepentingan kajian	16
1.5	Objektif kajian	19
1.6	Persoalan kajian	20
1.7	Batasan kajian	22
1.7.1	Delimitasi kajian	22
1.7.2	Limitasi kajian	22
1.8	Definisi pemboleh ubah kajian	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Definisi motivasi	31
2.3	Latar belakang motif penglibatan	34
2.4	Teori-teori berkaitan motif penglibatan	39
2.4.1	Teori Hirarki Keperluan Maslow (<i>Maslow's Need Hierarchy</i>)	39
2.4.2	Teori Desakan (<i>Drive Theory</i>)	43
2.4.3	Teori Keberkesanan Diri Bandura (<i>Bandura Theory of Self Efficacy</i>)	44
2.4.4	Model Komitmen Sukan Scanlan (<i>Scanlan's Sport Commitment Model</i>)	48
2.5	Orientasi matlamat	52
2.5.1	Teori berkaitan motivasi pencapaian	55
2.5.2	Teori Penilaian Kognitif (<i>Cognitive Evaluation Theory</i>)	59
2.5.3	Teori Persepsi Kebolehan Nicholls	65
2.6	Latar belakang gaya kepimpinan jurulatih	71
2.7	Teori-teori berkaitan gaya kepimpinan jurulatih	74
2.7.1	Teori pendekatan tret	75
2.7.2	Teori Pendekatan tingkah laku	77
2.7.3	Teori Kontingensi Fiedler	80
2.7.4	Model Kepimpinan Multidimensi	87
2.8	Kajian-kajian lampau berkaitan motif penglibatan	93
2.8.1	Perbezaan motif penglibatan berdasarkan jantina	98
2.8.2	Perbezaan motif penglibatan berdasarkan umur	103
2.8.3	Perbezaan motif penglibatan berdasarkan pengalaman dan pencapaian	106

2.8.4	Perbezaan motif penglibatan mengikut jenis aktiviti	108
2.8.5	Perbezaan motif penglibatan pelbagai budaya	111
2.9	Kajian-kajian lampau berkaitan orientasi matlamat	114
2.9.1	Kajian orientasi matlamat berdasarkan perbezaan umur	118
2.9.2	Kajian orientasi matlamat berdasarkan perbezaan jantina	120
2.9.3	Kajian orientasi matlamat berdasarkan perbezaan budaya	123
2.10	Kajian-kajian lampau berkaitan gaya kepimpinan jurulatih	125
2.10.1	Pengaruh umur dan tahap kematangan terhadap gaya kepimpinan jurulatih	128
2.10.2	Pengaruh jantina terhadap gaya kepimpinan jurulatih	130
2.10.3	Pengaruh jenis sukan terhadap gaya kepimpinan jurulatih	133
2.11	Kajian lampau yang melihat perkaitan antara motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih	139
2.12	Rumusan tinjauan literatur	145

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	148
3.2	Reka bentuk kajian	148
3.3	Subjek kajian	150
3.4	Instrumen kajian	151
3.4.1	Bahagian A: Maklumat demografi	152
3.4.2	Bahagian B: Soal Selidik Motif Penglibatan Sukan (MPS)	153
3.4.2.1	Fasa penggubalan item soal selidik Motif Penglibatan Sukan	153
3.4.2.2	Ujian psikometrik soal selidik Motif Penglibatan Sukan (MPS)	156

3.4.2.3 Analisis komponen prinsipal (<i>Principal component analysis, PCA</i>)	158
3.4.2.4 Kesahan instrumen Motif Penglibatan Sukan	172
3.4.3 Bahagian C: Soal selidik TEOSQ	175
3.4.4 Bahagian D: Soal selidik LSS	176
3.5 Prosedur pengumpulan data	181
3.6 Kajian rintis	182
3.7 Penganalisisan data	185
3.7.1 Statistik deskriptif	186
3.7.2 Statistik inferensi	186
3.7.2.1 Ujian-t	187
3.7.2.2 Analisis Varians (ANOVA)	188
3.7.2.3 <i>Canonical Correlation</i>	189
3.7.2.4 Regresi pelbagai (<i>Multiple Regression</i>)	190

BAB 4 KEPUTUSAN DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	192
4.2 Profil demografi responden	193
4.3 Analisis motif penglibatan atlet Sekolah Sukan Malaysia dalam bidang sukan	197
4.3.1 Perbezaan motif penglibatan berdasarkan jantina, Pengalaman, jenis sukan yang diceburi dan umur atlet Sekolah Sukan Malaysia	198
4.4 Analisis orientasi matlamat atlet Sekolah Sukan Malaysia	211
4.4.1 Perbezaan orientasi matlamat berdasarkan jantina, pengalaman, jenis sukan yang diceburi dan umur atlet Sekolah Sukan Malaysia	212
4.5 Analisis gaya kepimpinan jurulatih yang digemari oleh atlet Sekolah Sukan Malaysia	218

4.5.1	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari berdasarkan jantina, pengalaman, jenis sukan yang diceburi dan umur atlet	219
4.6	Gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih yang melatih atlet Sekolah Sukan Malaysia	227
4.6.1	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan mengikut persepsi atlet yang berbeza jantina, pengalaman, jenis sukan yang diceburi dan peringkat umur	228
4.7	Perhubungan antara motif penglibatan, orientasi matlamat, gaya kepimpinan jurulatih yang digemari dan diterima oleh atlet Sekolah Sukan Malaysia	238
4.8	Pengaruh motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap prestasi pencapaian sukan.	240

BAB 5**PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	246
5.2	Perbincangan	250
5.2.1	Motif penglibatan atlet Sekolah Sukan Malaysia dalam sukan	251
5.2.2	Orientasi matlamat atlet Sekolah Sukan Malaysia	257
5.2.3	Gaya kepimpinan yang digemari oleh atlet dan gaya kepimpinan sebenar yang diamalkan oleh jurulatih	261
5.2.4	Perkaitan antara motif penglibatan, orientasi matlamat, gaya kepimpinan yang digemari dan diamalkan oleh jurulatih	266
5.2.5	Pengaruh motif penglibatan, orientasi matlamat, gaya kepimpinan yang digemari dan diamalkan terhadap prestasi	268
5.3	Kesimpulan	270
5.4	Implikasi dapatan kajian	274
5.4.1	Implikasi teoretikal	275
5.4.2	Implikasi praktikal	277

5.4.2.2 Implikasi kepada ibu bapa	279
5.4.3 Cadangan kajian lanjutan	280
RUJUKAN	283
LAMPIRAN A BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN	305
LAMPIRAN B SURAT PENGESAHAN INSTRUMEN MPS DARIPADA PANEL PENILAI	321
LAMPIRAN C SURAT KEBENARAN MENGGUNAKAN SOAL SELIDIK	328
LAMPIRAN D SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN, KPM	330
LAMPIRAN E SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA JABATAN PENDIDIKAN JASMANI DAN SUKAN, KPM	332
LAMPIRAN F SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA JABATAN PELAJARAN WILAYAH PERSEKUTUAN	334
LAMPIRAN G SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA JABATAN PELAJARAN JOHOR	335
LAMPIRAN H SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA JABATAN PELAJARAN PERAK	336
LAMPIRAN I SURAT KEBENARAN IBU BAPA	338

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Bilangan peserta bagi mengkaji faktor analisis soal selidik motif penglibatan	157
3.2 Analisis Komponen Prinsipal motif penglibatan dalam sukan	160
3.3 Kebolehpercayaan dalaman faktor-faktor motif penglibatan dalam sukan	169
3.4 Item dan tema faktor soal selidik Motif Penglibatan Sukan	170
3.5 Dimensi tingkah laku kepimpinan dalam sukan	178
3.6 Kebolehpercayaan LSS hasil kajian lampau	180
3.7 Bilangan subjek bagi kajian rintis	183
3.8 Kebolehpercayaan soal selidik hasil kajian rintis	185
4.1 Taburan responden mengikut jantina dan sekolah	193
4.2 Taburan responden berdasarkan umur, pengalaman bermain dan pencapaian tertinggi	194
4.3 Taburan responden mengikut kategori sukan	196
4.4 Motif penglibatan dalam bidang sukan mengikut urutan min	197
4.5 Motif penglibatan dalam sukan mengikut urutan min berdasarkan jantina	199
4.6 Perbezaan min motif penglibatan berdasarkan jantina (Ujian-t)	200
4.7 Motif penglibatan dalam sukan mengikut urutan min berdasarkan pengalaman	201
4.8 Perbezaan min motif penglibatan berdasarkan pengalaman (Ujian-t)	203
4.9 Motif penglibatan mengikut urutan min berdasarkan jenis sukan	204
4.10 Perbezaan min motif penglibatan berdasarkan jenis sukan (Ujian-t)	205

4.11	Motif penglibatan mengikut urutan min berdasarkan peringkat umur	206
4.12	Perbezaan min motif penglibatan berdasarkan umur atlet (ANOVA sehala)	208
4.13	Ujian <i>post hoc</i> perbezaan motif penglibatan berdasarkan kategori umur	209
4.14	Min dan sisihan piawai orientasi matlamat atlet Sekolah Sukan Malaysia	211
4.15	Min orientasi matlamat atlet berdasarkan jantina	212
4.16	Perbezaan min orientasi matlamat berdasarkan jantina (Ujian-t)	213
4.17	Min orientasi matlamat berdasarkan pengalaman	214
4.18	Perbezaan min orientasi matlamat berdasarkan pengalaman (Ujian-t)	214
4.19	Min orientasi matlamat berdasarkan jenis sukan	215
4.20	Perbezaan min orientasi matlamat berdasarkan jenis sukan (Ujian-t)	216
4.21	Min orientasi matlamat berdasarkan kategori umur	216
4.22	Perbezaan orientasi matlamat berdasarkan umur atlet (ANOVA sehala)	217
4.23	Ujian <i>post hoc</i> perbezaan orientasi Tugasan berdasarkan kategori umur	217
4.24	Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari atlet mengikut urutan min	219
4.25	Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari atlet mengikut urutan min berdasarkan jantina	220
4.26	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari berdasarkan jantina (Ujian-t)	221
4.27	Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari mengikut urutan min berdasarkan kategori pengalaman	221
4.28	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari berdasarkan pengalaman (Ujian-t)	222
4.29	Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari mengikut urutan min berdasarkan jenis sukan	223
4.30	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari berdasarkan jenis sukan (Ujian-t)	223
4.31	Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari mengikut urutan min berdasarkan kategori umur	224

4.32	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari berdasarkan umur atlet (ANOVA sehala)	225
4.33	Ujian <i>post hoc</i> perbezaan gaya kepimpinan yang digemari berdasarkan kategori umur	226
4.34	Min dan sisihan piawai gaya kepimpinan jurulatih sebenar yang diamalkan di Sekolah Sukan Malaysia	228
4.35	Min gaya kepimpinan jurulatih sebenar yang diamalkan berdasarkan pandangan atlet lelaki dan wanita	229
4.36	Perbezaan gaya kepimpinan sebenar yang diamalkan jurulatih berdasarkan pendapat atlet yang berbeza jantina (Ujian-t)	230
4.37	Min gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih berdasarkan pendapat atlet yang berbeza pengalaman	231
4.38	Perbezaan gaya kepimpinan sebenar jurulatih berdasarkan pendapat atlet yang berbeza pengalaman (Ujian-t)	232
4.39	Min gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih berdasarkan pendapat atlet yang berbeza jenis sukan	232
4.40	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih sebenar berdasarkan pendapat atlet yang berbeza jenis sukan (Ujian-t)	233
4.41	Min gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan mengikut pendapat atlet yang berbeza peringkat umur	234
4.42	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih sebenar berdasarkan pendapat atlet yang berbeza kategori umur (ANOVA sehala)	235
4.43	Ujian <i>post hoc</i> perbezaan gaya kepimpinan sebenar berdasarkan pendapat atlet yang berbeza kategori umur	236
4.44	Analisis <i>canonical correlation</i> motif penglibatan sukan, orientasi matlamat, gaya kepimpinan jurulatih yang digemari dan diamalkan di Sekolah Sukan Malaysia	239
4.45	Keputusan analisis regresi pelbagai	245

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka konsep	9
2.1 Model Motivasi Interaksi Tret dan Situasi	33
2.2 Teori Hirarki Keperluan Maslow	40
2.3 Perkaitan antara faktor yang dapat meningkatkan keberkesanan diri dan prestasi atlet	45
2.4 Model Komitmen Sukan Scanlan	49
2.5 Teori Keperluan Pencapaian	57
2.6 Model Kepimpinan Multidimensi	88
2.7 Keserasian dan hasil tingkah laku pemimpin	90
3.1 Model konstruk soal selidik Motif Penglibatan Sukan	174

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penggubalan Dasar Sukan Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 20 Januari 1988 jelas menggambarkan usaha dan sokongan penuh kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan (Dasar Sukan Negara, 1988). Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang sihat, cergas, bersatu padu, berdisiplin serta produktif dan dalam masa yang sama melahirkan suatu generasi ahli sukan yang berwibawa untuk mengharumkan nama serta mempertingkat imej negara di peringkat antarabangsa. Dasar Sukan Negara yang dikemukakan oleh Kementerian Belia dan Sukan merangkumi ‘Sukan Untuk Semua’ dan ‘Sukan Prestasi Tinggi’. Sukan Untuk Semua bertujuan merealisasikan matlamat ‘Malaysia Cergas’ iaitu menjadikan individu lebih sihat dan cergas, kurang tekanan di samping mempunyai sahsiah yang baik dan menjadikan masyarakat lebih berkualiti dari segi fizikal dan moral, mempunyai hubungan komuniti yang baik, lebih produktif dan berdisiplin. Sukan Prestasi Tinggi pula memberi fokus kepada kecemerlangan sukan di peringkat antarabangsa. Bagi mencapai hasrat Sukan Prestasi Tinggi ini, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamed

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS menerusi ‘Wawasan 2020’ telah menjelaskan bahawa bidang sukan hendaklah mendapat peruntukan dan layanan yang serupa seperti yang diterima oleh sektor lain seperti sektor pendidikan, kesihatan dan pertanian (Kamalul, 1991). Menjelang tahun 2020 diharapkan mutu sukan negara dapat mencapai taraf tertinggi seiring dengan bidang pembangunan lain.

Kesungguhan kerajaan Malaysia dalam meningkatkan mutu Sukan Prestasi Tinggi terbukti dengan penubuhan dua buah Sekolah Sukan Malaysia iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil pada tahun 1996 dan Sekolah Sukan Bandar Penawar pada tahun 1998. Misi penubuhan Sekolah Sukan Malaysia ini ialah melatih atlet remaja yang masih bersekolah dengan memberikan segala kemudahan dan latihan yang terbaik bagi melahirkan atlet bertaraf dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Pelbagai pelaburan telah dilakukan oleh pihak kerajaan seperti menyediakan segala kemudahan infrastruktur yang terbaik, memberikan latihan yang berkualiti dengan perlantikan jurulatih yang berkelayakan daripada dalam dan luar negara serta memperkenalkan sistem penjadualan waktu anjal yang memberi tumpuan kepada peningkatan mutu sukan. Pelajar atlet yang telah terpilih dari seluruh Malaysia akan ditempatkan di dua buah sekolah sukan ini untuk mencapai hasrat negara bagi memajukan sukan. Menurut saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (1997), adalah penting mewujudkan institusi sukan yang boleh melahirkan jaguh daripada kalangan pelajar yang mempunyai minat dan potensi dalam bidang sukan. Setelah lebih sepuluh tahun Sekolah Sukan Malaysia beroperasi dengan sistem persekolahan yang tersendiri wajarlah satu kajian yang menyeluruh dijalankan bagi menguji keberkesanan sekolah tersebut mencapai misinya iaitu menjana atlet bertaraf dunia.

Secara dasarnya, pelajar yang terpilih melanjutkan pelajaran ke Sekolah Sukan Malaysia berada dalam lingkungan umur 13 hingga 21 tahun. Atlet muda yang dipilih

dari seluruh pelusuk Malaysia ini merupakan atlet harapan negara yang akan mendukung hasrat rakyat Malaysia bagi melihat Malaysia bersaing di persada sukan dunia. Bagi mencapai matlamat melahirkan atlet bertaraf dunia, strategi yang sistematik dan saintifik diperlukan bukan sahaja dalam aspek fizikal tetapi juga aspek psikologi remaja tersebut. Menurut Butler (1996), aspek psikologi merupakan salah satu faktor utama selain fizikal, teknikal dan strategi yang diperlukan oleh atlet untuk mencapai kejayaan dalam sukan. Remaja yang menjadi harapan ini tidak mungkin dapat mencapai sasaran yang ditujukan kepada mereka tanpa kita mengkaji aspek psikologi yang mempengaruhi prestasi seperti motif menyertai sukan, orientasi matlamat dalam penyertaan tersebut serta gaya kepimpinan jurulatih yang mereka inginkan untuk membantu mencapai matlamat atlet bertaraf dunia.

Menurut Biddle (1997), remaja merupakan komponen masyarakat yang sangat penting. Persoalan mengapa sesetengah remaja memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan, mengapa sesetengah remaja berhenti daripada meneruskan penglibatan mereka dalam sukan dan mengapa sesetengah yang lain itu tidak menyertai aktiviti sukan, merupakan beberapa persoalan yang sering mendapat perhatian para pengkaji sains sosial (Wann, 1997; Gill, 2000; Weinberg & Gould, 2003). Isu-isu sukan remaja terutamanya perkara yang dapat meningkatkan motivasi remaja untuk melibatkan diri dalam bidang sukan merupakan bidang kajian yang kritikal dalam kalangan ahli psikologi sukan. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk meneliti secara terperinci motif penglibatan remaja dalam sukan serta perkara-perkara yang dapat memotivasiikan mereka untuk terus bersukan. Keperluan menyelidik motif penglibatan remaja akan mempertingkatkan dan menggalakkan penglibatan remaja dalam sukan.

Terdapat banyak motif yang menyebabkan seseorang itu melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Kajian mengenai motif penglibatan remaja menyertai sukan oleh Gill,

Gross, dan Huddleston (1983), mendapati lapan faktor utama motif penglibatan iaitu untuk meningkatkan status, memupuk semangat sepasukan, kecergasan, pengeluaran tenaga, persekitaran, perkembangan kemahiran, persahabatan dan keseronokan. Alderman (1974), menegaskan bahawa kajian mengenai motif utama penyertaan dalam sukan merupakan satu cara berkesan bagi menyediakan persekitaran optima yang dapat menarik minat seseorang. Segala tingkah laku individu adalah didorong oleh satu atau lebih motif. Oleh yang demikian kajian mengenai motif penglibatan dalam sukan akan dapat memberi gambaran jelas mengenai sebab-sebab atlet Sekolah Sukan Malaysia menyertai sukan dan seterusnya menyediakan persekitaran latihan yang bersesuaian mengikut matlamat kerajaan serta naluri remaja tersebut.

Dalam bidang sukan, perasaan untuk memenangi sesuatu pertandingan seringkali dilihat sebagai satu-satunya faktor penting untuk melihat pencapaian prestasi dan pengekalan penyertaan individu dalam aktiviti tersebut (Duda, 1989b). Seseorang itu akan terus melibatkan diri dalam sukan yang disertainya sekiranya sering memenangi sesuatu pertandingan. Walau bagaimanapun, Roberts (1992) mempunyai pendapat yang berbeza. Roberts (1992), melalui pendekatan Teori Sosial Kognitif melihat pencapaian dari dua aspek iaitu Orientasi Tugasan (*Task Orientation*) dan Orientasi Ego (*Ego Orientation*). Orientasi Tugasan merujuk kepada kebolehan memahirkan diri dalam sesuatu kemahiran dan pencapaian dilihat apabila seseorang itu dapat memahirkan diri dan meningkatkan kemahiran dirinya sendiri tanpa perlu membandingkan dengan individu lain. Orientasi Ego pula merujuk kepada pencapaian yang berpandukan kepada individu lain. Menurut Nicholls (1984), Orientasi Tugasan ataupun Ego adalah berdasarkan bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaannya. Sekiranya individu menganggap dirinya telah berjaya hanya setelah mengalahkan pihak lawan, mereka tergolong dalam kumpulan yang menjurus kepada Orientasi Ego. Sebaliknya, individu

yang menganggap kejayaan dicapai setelah memiliki kemahiran tertentu dan meningkatkan prestasi diri sendiri, mereka cenderung kepada Orientasi Tugasan.

Berdasarkan Teori Persepsi Kebolehan Nicholls (1984, 1989), orientasi pencapaian matlamat seseorang itu akan memberi kesan ke atas motivasi dan hala tuju penglibatan seseorang. Nicholls mengandaikan bahawa atlet yang mempunyai matlamat berorientasikan hasil (*outcome*) cenderung untuk menumpukan kepada keputusan akhir perlawanan. Situasi yang terlalu memikirkan kepada kemenangan akan menyebabkan atlet sering berasa bimbang, kurang fokus kepada kemahiran yang perlu dijalankan dan akhirnya menyebabkan penurunan prestasi dan motivasi. Nicholls menyarankan atlet membuat matlamat berorientasikan tugas bukannya keputusan dan menjadikan peningkatan keupayaan diri sendiri sebagai rujukan kejayaan. Pemahaman mengenai orientasi matlamat atlet remaja Sekolah Sukan Malaysia adalah penting bagi mengetahui tahap motivasi mereka melibatkan diri dalam bidang sukan yang diceburi.

Kecemerlangan dalam bidang sukan sering dihubungkaitkan dengan profesion kejurulatihan dan aspek yang sering dibincangkan ialah gaya kepimpinan jurulatih (Sullivan & Kent 2003; Murray & Mann, 2006). Keberkesanan jurulatih kerap kali menjadi topik hangat apabila kejayaan atau kegagalan atlet dibincangkan dalam media cetak atau elektronik. Serpa, Pataco dan Santos (1991), menyatakan bahawa pasukan yang berjaya biasanya mempunyai pemimpin yang dapat memotivasi penglibatan atlet dalam sukan yang diceburi. Jurulatih merupakan pemimpin yang memainkan peranan utama dalam membentuk sebuah pasukan yang mantap. Menurut Chelladurai (1990), pemimpin yang dapat berinteraksi dalam pelbagai situasi adalah pemimpin yang dapat memahami kehendak ahlinya dalam proses pencapaian matlamat. Chelladurai (1980) telah mengkategorikan gaya kepimpinan jurulatih kepada lima kategori iaitu Latihan dan Arahan, Autokratik, Demokratik, Maklum Balas Positif serta Sokongan

Sosial. Merujuk kepada Model Multidimensi Chelladurai (1980), kejayaan sesebuah pasukan adalah disebabkan keserasian antara tingkah laku jurulatih yang diperlukan, tingkah laku sebenar dan tingkah laku yang digemari oleh atlet. Oleh yang demikian, kajian berkaitan gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih Sekolah Sukan Malaysia dan gaya kepimpinan yang digemari oleh atlet perlu dijalankan bagi memastikan tingkah laku jurulatih tersebut bukan sahaja dapat mencapai objektif latihan sebaliknya, dapat diterima oleh atlet. Keadaan ini akan mewujudkan suasana latihan yang harmoni dan efektif.

Sehubungan itu, tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara motif penglibatan, orientasi matlamat, dan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlet Sekolah Sukan Malaysia serta hubungannya dengan pencapaian dalam bidang sukan.

1.2 Kerangka konsep

Asas dasar yang menjadi pencetus idea kepada penyelidik membuat kajian ini ialah hasil dapatan kajian lampau dan teori yang berkaitan dengan pengaruh motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap pencapaian prestasi dalam bidang sukan. Peningkatan prestasi sukan antarabangsa berbanding pencapaian sukan dalam negara ini yang agak perlahan juga telah menggerakkan penyelidik untuk mengaplikasikan konsep psikologi sukan yang merupakan aspek penting untuk kecemerlangan dalam sukan. Menurut Jones dan Hardy (1990), aspek psikologi merupakan faktor terpenting yang membezakan kejayaan dan kegagalan seseorang atlet kerana atlet yang menyertai sesuatu pertandingan kebiasaannya telah mempunyai kekuatan fizikal, kemahiran, teknikal dan taktikal yang hampir sama. Justeru, kelebihan dalam aspek psikologi merupakan penentu kepada pencapaian seseorang atlet.

Motivasi merupakan salah satu aspek penting dalam bidang psikologi sukan yang

merupakan perkara asas untuk mencapai kejayaan dalam sukan (Duda & Treasure, 2006).

Menurut Moran (2004), peranan motivasi dalam bidang sukan adalah amat penting kerana kejayaan atlet bergantung sepenuhnya kepada keinginan individu untuk bekerja bersungguh-sungguh dari segi mental dan fizikal. Terdapat banyak teori dan model yang berkaitan dengan motivasi. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan Model Motivasi Interaksi Tret dan Situasi (Weinberg dan Gould, 1999) sebagai kerangka teori kajian. Menurut model ini interaksi antara aspek individu (tret) dan situasi merupakan faktor utama yang mempengaruhi motivasi seseorang dalam sukan. Faktor individu yang akan dikaji dalam kajian ini ialah motif penglibatan dan orientasi matlamat dalam sukan. Faktor situasi pula ialah gaya kepimpinan jurulatih yang digemari atlet dan gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi atlet Sekolah Sukan Malaysia.

Rasional pemilihan atlet remaja sebagai subjek kajian adalah berdasarkan kepentingan golongan ini bagi memastikan peningkatan mutu sukan sesebuah negara. Seperti yang disarankan oleh Biddle (1997), komponen masyarakat yang perlu mendapat perhatian utama bagi memastikan mutu sukan dipertingkatkan adalah golongan remaja. Kesungguhan dan komitmen atlet remaja yang merupakan pelapis kepada atlet senior akan menjadi penentu kepada peningkatan prestasi sukan sesebuah negara.

Dalam konteks sukan di Malaysia penubuhan Sekolah Sukan Malaysia yang terdiri daripada Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar telah membuktikan kesungguhan kerajaan dalam usaha meningkatkan mutu sukan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM 20.7 juta bagi tahun 2006 untuk kegunaan kedua-dua sekolah sukan tersebut (Salahudin, komunikasi personal, Januari 26, 2007). Setelah segala usaha dan pelaburan yang dibuat ke atas sekolah sukan ini, maka wajarlah dijalankan kajian yang terperinci berkenaan

keberkesanan sekolah sukan ini. Kajian dalam bidang psikologi sukan dapat membantu meningkatkan mutu pencapaian atlet Sekolah Sukan Malaysia agar segala sasaran yang diharapkan kepada mereka tidak akan menjadi bebanan dan tekanan dalam diri mereka.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengenal pasti motif penglibatan atlet Sekolah Sukan Malaysia melibatkan diri dalam bidang sukan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan yang mereka gemari serta yang diamalkan oleh jurulatih masing-masing menurut persepsi atlet. Selain mengkaji perbezaan motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina, umur, pengalaman dan jenis sukan yang diceburi, penyelidik juga melihat perhubungan antara motif, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap pencapaian prestasi sukan. Kerangka konsep dalam rajah 1.1 menjelaskan perhubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji.

Berdasarkan kerangka konsep dalam rajah 1.1 tujuan utama kajian ini adalah mengenal pasti empat aspek psikologi yang mempengaruhi prestasi sukan iaitu:

- i. Motif penglibatan atlet Sekolah Sukan Malaysia dalam bidang sukan.
- ii. Orientasi matlamat atlet Sekolah Sukan Malaysia.
- iii. Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari oleh atlet Sekolah Sukan Malaysia.
- iv. Gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan di Sekolah Sukan Malaysia berdasarkan persepsi atlet.

Pemboleh ubah bebas yang akan dikaji bagi melihat pengaruhnya terhadap pemboleh ubah bersandar adalah:

- i. Jantina (lelaki / wanita).
- ii. Umur (bawah 15 / bawah 18 / bawah 21 tahun).
- iii. Pengalaman (kurang 5 tahun / 5 tahun dan ke atas).
- iv. Jenis sukan (berpasukan / individu).

Rajah 1.1 (Kerangka konsep)